



Siaran Akhbar

MCMC PELAWA PENYERAHAN DRAF PELAN PELAKSANAAN JENDELA 2 (KUMPULAN 1) UNTUK MEMPERKUKUH KESALINGHUBUNGAN DI SELURUH NEGARA

CYBERJAYA, 31 Mac 2026 – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah mengeluarkan pelawaan pertama bagi penyerahan draf pelan di bawah Jalinan Digital Negara Fasa 2 (JENDELA 2), mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan dalam memperkukuh infrastruktur digital negara serta meningkatkan kesalinghubungan di seluruh negara.

Pelaksanaan Kumpulan 1 merangkumi pendekatan bersesuaian (*fit-for-purpose*), termasuk penyediaan perkhidmatan selular awam bagi 4G dan 5G (jika sesuai), penyelesaian Wi-Fi melalui sambungan satelit, serta pelaksanaan *Neutral Host Platform* buat julung kalinya. Platform ini membolehkan pengguna mengakses rangkaian Wi-Fi dengan menggunakan pelan data mudah alih sedia ada daripada pengendali rangkaian masing-masing, sekali gus menyokong pengalaman pengguna yang lebih konsisten dan mudah.

Sejak pelaksanaan JENDELA Fasa 1, Kerajaan telah mencapai kemajuan dalam memperluas liputan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan, dan JENDELA 2 merupakan kesinambungan usaha tersebut. Inisiatif ini dirangka untuk merapatkan jurang liputan, meningkatkan prestasi rangkaian, serta memperluas akses jalur lebar berkualiti tinggi, khususnya di kawasan luar bandar dan kawasan kurang mendapat perkhidmatan.

Inisiatif ini menyokong agenda nasional untuk meluaskan liputan Internet ke 2,700 tapak di seluruh negara, dan melibatkan kira-kira 217,000 penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman khususnya di Sabah dan Sarawak, serta memastikan komuniti tersebut terus mendapat perhatian dalam agenda pembangunan negara.

Kumpulan 1 merangkumi 1,000 tapak di seluruh negara, dengan 31.1% di Semenanjung Malaysia, 33.7% di Sarawak dan 35.2% di Sabah. Projek ini dijangka bermula seawal suku ketiga 2026, tertakluk kepada proses penilaian dan tadbir urus. Baki 1,700 tapak akan dilaksanakan dalam kumpulan seterusnya, yang akan dimuktamadkan oleh MCMC kelak.

Selaras dengan Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejangat) 2002, MCMC mempelawa pemegang lesen yang layak untuk mengemukakan Pendaftaran Minat dan Draf Pelan Perkhidmatan Sejangat dalam tempoh yang ditetapkan. Penyerahan ini akan menjadi asas penilaian MCMC bagi mengenal pasti pemegang lesen yang sesuai.

MCMC akan terus bekerjasama dengan pihak berkepentingan bagi memastikan pelaksanaan JENDELA 2 berjalan lancar serta penyediaan kesalinghubungan digital berkualiti di seluruh negara.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: corporate.communications@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

